



PROGRESSIVE INSURANCE BHD (19002-P)

SENARAI KETERANGAN PRODUK

[Sila bacakan Senarai Keterangan Produk ini sebelum membeli Polisi Individu & Keluarga Progressive Care – Jade]

1. Apakah produk ini?

Polisi ini membiayai kos perubatan yang dikenakan semasa penghospitalan untuk mendapatkan rawatan / pembedahan bagi penyakit yang dilindungi oleh polisi atau kecederaan akibat kemalangan.

2. Apakah pembiayaan/ faedah yang dilindungi?

Polisi ini membiayai kos perubatan yang disenaraikan di bawah. Untuk maklumat lanjut tentang had-had pembiayaan, sila rujuk kepada risalah produk yang dikepilkhan.

- Bilik dan Penginapan Harian
- Unit Rawatan Rapi
- Bekalan dan Perkhidmatan Hospital
- Lawatan Doktor di Wad Hospital
- Rawatan Pra-Hospital
- Rawatan Susulan Selepas Penghospitalan
- Kos Pembedahan (termasuk caj Bilik Pembedahan & Yuran Pakar Bius)
- Prosedur Sehari
- Rawatan Kecemasan Pesakit Luar akibat Kemalangan
- Yuran Ambulans
- Yuran Laporan Perubatan
- Cukai Perkhidmatan Kerajaan
- Elaun Tunai Harian di Hospital Kerajaan
- Transplan Organ (Jantung, Buah Pinggang, Paru-paru, Hati & Sum-sum Tulang)
- Rawatan Kanser Pesakit Luar
- Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar
- Perbelanjaan Pengebumian

Tempoh perlindungan oleh polisi ini adalah untuk satu tahun. Perlindungan mestilah diperbaharui setiap tahun.

3. Berapa kadar premium yang akan dikenakan? Sila rujuk kepada risalah untuk maklumat lanjut.

Jumlah premium yang dikenakan mungkin akan diselaraskan menurut tatasyarat Syarikat. Kadar premium pembaharuan juga mungkin akan diselaras mengikut umur anda dan sekiranya terdapat kesan pelbagai yang menjelaskan kesihatan umum anda.

4. Apakah Yuran dan caj lain yang akan dikenakan?

Jika anda telah membeli polisi ini melalui ejen, pihak Insurans anda akan membayar komisen sebanyak 15% kepada ejen tersebut. Selain itu, setiap polisi akan dikenakan caj RM10 untuk cukai setem.

5. Apakah terma-terma dan syarat-syarat penting yang perlu saya fahamkan?

- Kepentingan memberi maklumat sepenuhnya- anda hendaklah memberitahu semua fakta yang penting, contohnya tahap kesihatan dan umur, dengan tepat.
- Tempoh Pendinginan – Anda boleh memulangkan kembali polisi ini kepada Syarikat untuk pembatalan dalam tempoh 15 hari dari tarikh anda menerima polisi anda. Jika anda memutuskan untuk membatal polisi anda seperti diuraikan di atas, anda layak menerima pulangan premium penuh (selepas pemotongan perbelanjaan perubatan yang ditanggung oleh Syarikat untuk pengeluaran polisi).
- Tempoh Kelayakan / Tempoh Menunggu – kelayakan menuntut untuk pembiayaan dari polisi ini hanya bermula selepas [30] hari selepas tarikh polisi ini berkuatkuasa.
- Perlindungan polisi ini akan berakhir pada tarikh tamat polisi kecuali jika polisi ini diperbaharui. Jika polisi tidak diperbaharui sebelum tarikh tamat tersebut, Syarikat Insurans tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang tuntutan pembiayaan kos perubatan.
- Insurans Bersama – Sila pastikan bahawa anda tidak melebihi kadar kelayakan anda untuk pembiayaan Bilik & Penginapan hospital yang dilampirkan di dalam jadual faedah. Jika anda melebihi kadar kelayakan anda, anda akan diminta menanggung caj Bilik & Penginapan hospital yang terlebih dan [20% daripada caj faedah-faedah yang lain].

(Sila baca bahagian Soalan-soalan Lazim di dalam Risalah kami untuk maklumat lanjut)

6. Apakah pengecualian di dalam polisi ini?

Polisi ini tidak membiayai kos yang dikenakan akibat perkara-perkara yang disenaraikan di bawah:

- Penyakit Sedia Ada dan Penyakit Khusus
- Kehamilan
- Penyakit Kongenital
- Penyakit atau kecederaan yang berpunca daripada perlumbaan
- Pembedahan Kosmetik atau Plastik
- Sebarang Rawatan Pergigian, termasuk Pembedahan Oral

Nota Penting:

Senarai pengecualian ini telah diringkaskan dan tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada perjanjian polisi untuk senarai pengecualian yang terperinci.

7. Bolehkah saya batalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi notis bertulis kepada pihak insurans. Selepas pembatalan polisi, anda layak menerima bayaran balik premium, dengan syarat tiada tuntutan dibuat dalam tahun polisi semasa. Bayaran balik premium anda akan dibayar bersekadar dan tertakluk kepada terma-terma Jadual Kadar Jangka Masa Pendek yang dimaklumkan di dalam perjanjian polisi anda.

8. Apa yang perlu saya buatkan jika butir-butiran peribadi saya bertukar?

Adalah penting bagi kami agar dimaklumkan dengan secepat mungkin di atas sebarang perubahan nombor talian dan perubahan alamat supaya segala surat-menyurat kami dapat diterima oleh anda dengan kadar segera.

9. Bagaimana saya dapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat lanjut tentang insurans perubatan dan kesihatan secara amnya, sila rujuk kepada bahagian “Insuran Perubatan & Kesihatan” di dalam buku panduan *insuranceinfo* yang boleh diperolehi melalui mana-mana satu daripada cawangan Syarikat kami, ejen insuran anda, ataupun di laman web www.insuranceinfo.com.my.

Jika anda ada sebarang persoalan, sila hubungi kami di alamat berikut:

Progressive Insurance Berhad
7th, 9th & 10th Floor, Menara BGI
Plaza Berjaya, No.12 Jalan Imbi
55100 Kuala Lumpur
Tel: 03-2118 8000
Fax: 03-2118 8098
Email: www.progressiveinsurance.com.my

10. Jenis-jenis perlindungan Insurans Perubatan dan Kesihatan yang lain

Selain polisi ini, Progressive Insurance Bhd juga menawarkan produk Insuran Perubatan dan Kesihatan yang lain. Sila hubungi kami di alamat yang dikemukakan di atas untuk mendapat keterangan selanjutnya.

NOTA PENTING:

ANDA HENDAKLAH MEMASTIKAN BAHAWA POLISI INI MEMENUHI KEPERLUAN ANDA. SILA BACA DAN FAHAMKAN POLISI INSURANS INI DAN BINCANGKAN SEBARANG KERAGUAN ATAU KEMUSYKILAN DENGAN EJEN ANDA, ATAUPUN ANDA BOLEH HUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA LANGSUNG UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang dilampirkan di dalam Senarai Keterangan Produk ini adalah sah pada 01/01/2011.